

Perintah yang terutama

Petikan dari Kitab Injil: [Markus 12:28-31](#).

²⁸Seorang guru Taurat datang mendengar mereka bersoal jawab. Dia sedar bahawa Isa telah menjawab dengan baik. Dia pun bertanya kepada-Nya, 'Perintah manakah yang terutama?'

²⁹Isa menjawab, 'Yang terutama antara semua perintah ialah: "Dengarlah, wahai umat Israel, Allah Tuhan kita, Tuhan kita adalah Esa. ³⁰Kamu hendaklah mengasihi Allah Tuhanmu dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu, dengan sepenuh fikiranmu, dan dengan sepenuh kekuatanmu." Inilah perintah yang terutama. ³¹Perintah yang kedua ialah: "Kamu hendaklah mengasihi sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri." Tiada perintah lain yang lebih utama daripada dua perintah ini.'